



**SOALAN LAZIM (FAQ'S)**  
**PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD)**  
**KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**  
**BAHAGIAN KAWALAN KREDIT KOMUNITI**

**MAKLUMAT AM**

1. Adakah syarikat Kredit Komuniti (KK) dan Pemegang Pajak Gadai (PPG) dibenarkan beroperasi semasa tempoh PKPD?
  - **Tidak.** Syarikat Pemegang Pajak Gadai dan syarikat Kredit Komuniti tidak dibenarkan beroperasi di negeri-negeri/mukim/lokalti/ yang dilaksanakan PKPD.
  
2. Sebagai kakitangan/pekerja di syarikat Pajak Gadai atau syarikat Kredit Komuniti yang tinggal dikawasan yang dilaksanakan PKPD, adakah saya dibenarkan untuk keluar bekerja dan melakukan pergerakan merentas daerah/negeri untuk ke tempat kerja memandangkan lokasi tempat kerja tidak termasuk dalam pelaksanaan PKPD?
  - **Tidak.** **Kakitangan/pekerja** yang menetap di kawasan/ lokaliti yang dilaksanakan PKPD adalah tidak dibenarkan untuk hadir bekerja dan melakukan pergerakan merentas daerah/negeri dalam tempoh PKPD.
  
3. Memandangkan kawasan rumah saya dilaksanakan PKPD, bagaimanakah untuk saya membuat bayaran faedah/ melanjutkan tempoh pajakan / menebus barang sandaran saya yang akan tamat dalam tempoh PKPD ini?
  - Pemajak perlulah segera menghubungi syarikat Pajak Gadai bagi mendapatkan budi bicara syarikat berhubung perkara ini.
  - Syarikat Pajak Gadai adalah disarankan untuk memberikan pertimbangan yang sewajarnya kepada pemajak bagi memudahkan urusan pembayaran/ melanjutkan tempoh pajakan/ penebusan barang sandaran bagi negeri/mukim/lokalti yang dilaksanakan PKPD.
  
4. Sekiranya terdapat peminjam yang tidak mampu membuat bayaran balik pinjaman mereka, adakah syarikat KK boleh mengenakan faedah kepada peminjam dalam tempoh PKPD ini?

- PPW/KK **boleh mengenakan faedah** ringan atas **kadar 8% setahun** dari jumlah pokok dan faedah yang tertunggak dikira hari ke hari sehinggalah jumlah tersebut dijelaskan sepenuhnya.
- Walau bagaimanapun, peminjam disarankan untuk berhubung dengan syarikat KK bagi mendapatkan budi bicara syarikat berhubung perkara ini.

**5. Di manakah saya boleh menyemak lokaliti/kawasan-kawasan yang terlibat dalam pelaksanaan PKPD?**

- Senarai lokaliti/kawasan-kawasan yang terlibat dalam pelaksanaan PKPD serta Prosedur Operasi Standard (SOP) boleh disemak melalui laman sesawang Majlis Keselamatan Negara di pautan <https://www.mkn.gov.my>.
- Lokaliti/kawasan yang terlibat adalah seperti berikut:

<p><b><u>Daerah Petaling Mukim:</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Petaling</li> <li>• Damansara</li> <li>• Sg. Buloh</li> <li>• Bukit Raja</li> </ul>	<p><b><u>Daerah Hulu Langat Mukim:</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Hulu Langat</li> <li>• Ampang</li> <li>• Cheras</li> <li>• Kajang</li> <li>• Semenyih</li> <li>• Beranang</li> </ul>	<p><b><u>Daerah Sepang Mukim:</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Dengkil</li> <li>• Labu</li> <li>• Sepang</li> </ul>	<p><b><u>Daerah Gombak Mukim:</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Batu</li> <li>• Rawang</li> <li>• Setapak</li> <li>• Hulu Kelang</li> <li>• Kuang</li> </ul>
<p><b><u>Daerah Kuala Langat Mukim:</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tanjung 12(1)</li> <li>• Tanjung 12(2)</li> <li>• Teluk Panglima Garang</li> <li>• Morib</li> <li>• Bandar</li> <li>• Jugra</li> <li>• Batu</li> </ul>	<p><b><u>Daerah Klang Mukim:</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kapar</li> <li>• Klang</li> </ul>	<p><b><u>Daerah Kuala Selangor Mukim:</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Ijok</li> <li>• Bestari Jaya</li> <li>• Jeram</li> </ul>	<p><b><u>Daerah Hulu Selangor Mukim:</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Serendah</li> <li>• Rasa</li> <li>• Ulu Yam</li> <li>• Batang Kali</li> </ul>

**Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur**

**Lokaliti:**

- |                                             |                                       |                                                        |                      |
|---------------------------------------------|---------------------------------------|--------------------------------------------------------|----------------------|
| • Projek Perumahan Rakyat (PPR) Sri Semarak | • Kampung Padang Balang               | • Projek Perumahan Rakyat (PPR) Kampung Baru Air Panas | • Bandar Baru Sentul |
| • Projek Perumahan Rakyat (PPR) Batu Muda   | • Taman Koperasi Polis (Fasa 1 dan 2) | • Flat Desa Pandan (Termasuk Baiduri & Delima)         | • Taman Ikan Emas    |
| • Flat Seksyen 2 Wangsa Maju                | • Flat Sri Sabah                      | • Kampung Batu Muda                                    |                      |
| • Flat Seksyen 1 Wangsa Maju                | • Kampung Puah                        | • Projek Perumahan Rakyat (PPR) Kerinchi               |                      |

**URUSAN LELONGAN PAJAK GADAI**

**6. Adakah urusan lelongan pajak gadai boleh dilaksanakan dalam tempoh PKPD?**

- Urusan lelongan pajak gadai masih **tidak dibenarkan** di negeri/ mukim/ lokaliti yang dilaksanakan PKPD.
- Untuk sebarang pertanyaan berhubung urusan lelongan pajak gadai, sila hubungi **03-8891 4694**.

Nota:

Bagi negeri/ kawasan/lokaliti yang tidak termasuk dalam pelaksanaan PKPD, FAQ (Fasa 1 (Dilanjutkan)) bertarikh 22.06.2021 adalah masih terpakai.

Dikemaskini pada **02.07.2021**